

Lembaga Koperasi Sesi 2009/2010



Anggota-anggota
Lembaga
Sesi 2009 /2010



1.	2.			
3.	4.	5.	6.	7.
8.	9.	10.	11.	12.

1. Y.Bhg. Dato' Ahmad Tarmizi Alias
2. Y.Bhg. Dato' Dzulkifli Abd. Wahab
3. Encik Suhaimi Zainuddin
4. Y.Bhg. Dato' Zainal Hassan
5. Y.Bhg. Dato' Mat Abas Yusoff
6. Encik Abdul Karim Ahmad
7. Encik Abdul Latif Othman
8. Encik Arifin Husain
9. Puan Saodah Sudi
10. Encik Che Megat Dewa Khalid
11. Encik Abdul Majid Abdullah
12. Y.Bhg. Dato' Ramli Ismail

Maklumat Pengurusan

KETUA EKSEKUTIF

Datuk Sarchu Sawal
e-mail:sarchu.s@felda.net.my



TIMBALAN KETUA EKSEKUTIF

Encik Mazlan A Talib
e-mail: mazlan.at@felda.net.my

PENGURUS BESAR PENTADBIRAN & OPERASI

Encik Mohammed Sunaini Yusop
e-mail:sunaini.y@felda.net.my

PENGURUS BESAR KEWANGAN & PELABURAN

Puan Sakinah Salleh
e-mail:sakinah.s@felda.net.my

Ketua Eksekutif, Datuk Sarchu

PENGURUS PELABURAN

Encik Zaffary Ab.Rashid
e-mail:zaffary.ar@felda.net.my

PENGURUS PERUNDANGAN & KESETIAUSAHAAN

Encik Elioskarma Abd Aziz
e-mail: elioskarma.aa@felda.net.my

PENOLONG PENGURUS AKAUN

Encik Khairul Hazry Maharani
e-mail:khairul.h@felda.net.my

EKSEKUTIF PELABURAN

Encik Syahroziham Mohd Shahril
e-mail: syahroziham.ms@felda.net.my

EKSEKUTIF TADBIRAN

Puan Zulyana Mohtar
e-mail: zulyana.m@felda.net.my

EKSEKUTIF PEMBIAYAAN

Encik Ahmad Fadzillah Jamaludin
e-mail: ahmadfadzillah.j@felda.net.my

PEMBANTU EKSEKUTIF AKAUN

Puan Sanisah Saidin
e-mail:sanisah.s@felda.net.my

PEMBANTU EKSEKUTIF PEMBIAYAAN

Encik Mohd Rozahn Bin Abd Razak

e-mail:rozahn.a@felda.net.my

PEMBANTU EKSEKUTIF TEKNOLOGI MAKLUMAT

Encik Azhary Mohd Sharif

e-mail: azhary.ms@felda.net.my

LAPORAN PENGERUSI



Dalam persekitaran ekonomi yang serba mencabar sepanjang tahun 2009, yang masih dipengaruhi oleh masalah subprima di Amerika Syarikat dan masalah hutang negara-negara Eropah seperti Greece dan Sepanyol, KPF tabah mengharunginya dengan penuh waspada, namun proaktif dalam mengambil peluang pelaburan yang mampu meningkatkan nilai pegangan syer anggota-anggota.

2. Anggota-anggota Lembaga dan pengurusan terus mengintai untuk meraih peluang dalam apa jua senario ekonomi semasa, namun masih berhati-hati dan berhemah dalam mengurus risiko-risiko yang bakal dihadapi.



Sesuatu keputusan hanya dilaksanakan selepas diperhalusi melalui beberapa siri Mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa-Jawatankuasa yang dibentuk.

ANGGOTA DAN MODAL SYER

3. Bilangan anggota KPF terus bertambah sebanyak 6.69% kepada 207,913 (2008:194,873) manakala modal syer anggota meningkat sebanyak 12.15% kepada

RM1.46 bilion (2008:RM1.30 bilion). Bilangan anggota Kumpulan Peneroka bertambah sebanyak 6.9% kepada 182,578 (2008:170,800). Kumpulan ini merupakan 87.81% daripada jumlah anggota KPF.

Anggota diberi penerangan dan maklumat terkini mengenai perkembangan KPF melalui program Hari Bersama Pelanggan yang diadakan dirancangan-rancangan secara berkala



KEDUDUKAN ANGGOTA 2008/2009

Entiti Kumpulan Anggota	Jumlah Sehingga 31-Dis-08	Anggota Baru	Anggota Berhenti	Jumlah Sehingga 31-Dis-09	Pertumbuhan (%)	Taburan (%)
PENEROKA	170,523	12,476	(703)	182,296	6.90	87.68
Koperasi	277	5	-	282	1.81	0.14
Jumlah	170,800	12,481	(703)	182,578	6.90	87.81
KAKITANGAN	24,070	1,436	(174)	25,332	5.24	12.18
Koperasi	3	-	-	3	-	0.00
Jumlah	24,073	1,436	(174)	25,335	5.24	12.26
Jumlah Besar	194,873	13,917	(877)	207,913	6.69	100.00

4. Jumlah modal syer yang dimiliki oleh peneroka dan keluarga mereka turut bertambah sebanyak 9.36% kepada RM1.02 bilion (2008:RM0.94 bilion). Jumlah modal syer yang dimiliki oleh Koperasi peneroka pula ialah sebanyak RM28.33 juta (2008:RM25.68 juta). Kumpulan Peneroka merupakan pemilik terbesar modal syer iaitu sebanyak RM1.05 bilion yang merupakan 72.08 % daripada keseluruhan modal syer, dengan purata pemilikan sebanyak RM5,763 (2008:RM5,634). Ini jelas menunjukkan betapa wujudnya kesedaran dikalangan anggota-anggota khususnya golongan peneroka untuk menabung sebahagian pendapatan mereka.

5. Anggota daripada Kumpulan Kakitangan pula iaitu seramai 25,335, merupakan 12.19% daripada jumlah anggota KPF. Kumpulan ini memegang syer sebanyak RM407.58 juta ataupun 27.92% daripada keseluruhan modal syer anggota.



Melalui pameran yang diadakan anggota dan masyarakat mendapat peluang mengetahui aktiviti yang sedang dijalankan oleh koperasi.

KEDUDUKAN MODAL SYER ANGGOTA 2008/2009

Entiti Kumpulan Anggota	Jumlah Sehingga 31-Dis-08 (RM'000)	Tambahan Syer (RM'000)	Pengeluaran Syer (RM'000)	Jumlah Sehingga 31-Dis-09 (RM'000)	Pertumbuhan (%)	Pemilikan (%)	Purata Pemilikan (RM'000)
PENEROKA	936,535	145,939	(58,556)	1,023,918	9.33	70.14	6
Koperasi	25,683	3,896	(1,251)	28,327	10.30	1.94	100
Jumlah	962,218	149,834	(59,807)	1,052,245	9.36	72.08	6
KAKITANGAN	326,724	95,403	(27,484)	394,643	20.79	27.03	16
Koperasi	12,678	255	-	12,933	2.01	0.89	4,311
Jumlah	339,402	95,658	(27,484)	407,576	20.09	27.92	17
Jumlah Besar	1,301,620	245,492	(87,291)	1,459,822	12.15	100.00	7



Kepuasan pelanggan dan layan mesra sentiasa diutamakan


PELABURAN

6. Aktiviti-aktiviti pelaburan telah dapat dilaksanakan seperti yang dirancang melalui dokongan lebih 200 ribu anggota dengan sokongan modal syer anggota yang kini mencecah RM1.5 bilion.
7. Plaburan KPF telah pun mencecah RM2 bilion dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 18.14% berbanding tahun lalu (2008:RM1.69 bilion). Teras utama pelaburan KPF ialah pemilikan ekuiti dalam 11 buah Syarikat Kumpulan FELDA, melalui pegangan sebanyak 255.89 juta unit saham dengan kos pelaburan sebanyak RM353.6 juta.

STRUKTUR PELABURAN KPF 2008/2009

Pelaburan	31 Dis 2009		31 Dis 2008		Perubahan (+/-) %
	Kos (RM'000)	(%)	Kos (RM'000)	(%)	
Sekuriti Pasaran	544,148.79	26.26	529,043.09	31.42	2.86
Ekuiti Syarikat Luar	385,428.66	18.60	279,240.91	16.58	38.02
Ekuiti Syarikat FELDA	370,715.58	17.89	398,315.58	23.65	(6.93)
Deposit/CP & Simpanan	322,995.06	15.58	131,073.02	7.78	146.42
Hartanah	235,552.82	11.37	174,709.41	10.38	34.83
Pasaran Bon	71,282.00	3.44	71,282.00	4.23	-
Amanah Raya Bhd	70,255.19	3.39	43,265.64	2.57	62.38
Syer Bank Rakyat	36,977.08	1.78	36,977.08	2.20	-
Saham Amanah	20,000.00	0.97	20,000.00	1.19	-
Pembianaan & Pinjaman	14,488.47	0.69	-	-	100.00
Syer Bank Persatuan	700.00	0.03	-	-	100.00
Jumlah	2,072,543.65	100.00	1,683,906.74	100.00	23.08

PEMILIKAN EKUTI DALAM SYARIKAT KUMPULAN FELDA



8. Sepanjang tahun 2009, pelaburan-pelaburan utama lain ialah pasaran sekuriti (RM547.24 juta), pelaburan usahasama/terokaan modal (RM385.34 juta), harta tanah (RM235.55 juta), pasaran bon (RM64.83 juta), Amanah Raya Berhad (RM70.26 juta), pemilikan syer Bank Koperasi (RM37.68 juta) dan Saham Amanah (RM20 juta).

9. KPF terus mengambil peluang memiliki saham dalam syarikat luar yang berdaya maju apabila mengambil 20% pegangan ekuiti dalam syarikat Teo Seng Capital, sebuah syarikat pemegang pelaburan (investment holding) dengan nilai pelaburan sebanyak RM18.60 juta. Pelaburan dalam 15 buah syarikat usahasama/luar pula meningkat kepada RM385.34 juta iaitu pertambahan sebanyak 38.04% berbanding pada tahun lalu (2008:RM279.14 juta).



Teo Seng merupakan syarikat pemegang pelaburan (investment holding) yang terlibat dalam aktiviti seperti penternakan ayam telur, pembuatan dan pemasaran makanan haiwan, pengedar makanan haiwan dan produk kesihatan haiwan

10. Pelaburan dalam sektor harta tanah bernilai RM235.55 juta (2008:RM174.71 juta) telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 34.82%, melalui pembelian bangunan korporat Southgate di Jalan Sg. Besi yang berharga RM226 juta, 2 lot tanah di Bandar Baru Bangi berharga RM11.64 juta dan sebuah rumah kedai tiga tingkat di Pusat Komersil Bandar Jengka, berharga RM0.59 juta. Bangunan korporat Southgate dijangka siap sebelum akhir 2011, manakala lot-lot tanah di Bandar Baru Bangi dirancang untuk pembinaan sebuah kompleks yang menempatkan sebuah hotel,

“Service Apartment” dan “Garden Restaurant”. Pelaburan hartanah ini dijangka mampu memberi pulangan sekurang-kurangnya sebanyak 8% setahun.



Bangunan Korporat Southgate yang berharga RM226 juta, dijadualkan siap sebelum akhir 2011

11. Bulan September 2009, turut menyaksikan siapnya dua buah bangunan yang dibeli iaitu Block D5 – Solaris Dutamas (RM35.04 juta) yang terletak di Jalan Duta dan The Icon- West Wing (RM182.95 juta) di Jalan Tun Razak.



Penjualan ruang pejabat dan perniagaan di Block D5 – Solaris Dutamas mampu memberi margin keuntungan melebihi 30% daripda kos pembeliannya

12. Namun demikian ruang-ruang pejabat dan perniagaan di Block D5 – Solaris Dutamas, sedang dalam proses untuk dijual. Sehingga akhir 2009 sebanyak 12 unit ruang pejabat dan niaga bangunan ini telah dijual dengan harga RM18.09 juta iaitu keuntungan sebanyak RM4.49 juta atau 33% daripada kos belian.

13. Bangunan The Icon-West Wing telah diberikan jaminan sewa tahunan 7% setahun berjumlah RM12.81 juta untuk tempoh dua tahun bermula pada bulan November 2009. Walaupun begitu Lembaga merancang untuk menjual bangunan ini kepada pembeli yang berpotensi kerana ia mampu menjana keuntungan melebihi 30% daripada kos asal pembelian.

Bangunan korporat The Icon-West Wing yang berdiri megah di Jalan Tun Razak, siap pembinaannya pada September 2009.



KEUNTUNGAN

14. Tahun kewangan 2009, melakarkan sejarah apabila KPF mencatatkan pendapatan tertinggi bagi tempoh 29 tahun iaitu, sebanyak RM369.19 juta, meningkat 45.25% berbanding tempoh yang sama tahun lalu (2008:RM254.18 juta). Dividen kasar daripada Syarikat-syarikat FELDA telah menyumbang sebanyak RM289.69 juta, atau 78.47% daripada jumlah pendapatan keseluruhan KPF (2008: 75.86%), juga mencatatkan rekod dividen tertinggi yang pernah dibayar.


15. Keuntungan bersih sebelum cukai ialah sebanyak RM328.72 juta, meningkat sebanyak 40.26% berbanding tahun lalu (2008:RM234.36 juta). Tahun 2009 juga turut mencatatkan peningkatan bayaran zakat perniagaan iaitu sebanyak RM10.90 juta meningkat 62.13% berbanding RM6.72 juta pada tahun lalu.



Zakat
perniagaan
KPF terus
meningkat dan
disalurkan
kepada asnaf-
asnaf melalui
Pusat
Pungutan
Zakat negeri
masing-
masing.


PRESTASI PENDAPATAN 1997-2009

■ Tahun ■ Jumlah Pendapatan (RMJuta)



DIVIDEN

16. Pada tahun 2009, KPF telah mencapai keuntungan bersih selepas cukai dan zakat sebanyak RM211.80 juta, iaitu meningkat 31.86% berbanding tahun lalu (2008:RM160.62 juta). Oleh itu KPF telah mengistiharkan dividen/bonus tunai sebanyak 14% melibatkan bayaran sebanyak RM210 juta.



ANUGERAH DAN PENGIFTIRAFAN

17. Sempena sambutan Hari Koperasi Negara 2009, KPF sekali lagi diberi pengiktirafan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) sebagai koperasi kedua terbaik negara. Pengiktirafan ini diberi berdasarkan pencapaian pendapatan, aset dan ekuiti, aktiviti perniagaan, pengurusan organisasi dan pematuhan perundangan yang mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

18. Pengiktirafan ini menjadi pendorong untuk warga KPF meningkatkan usaha bagi mempertahankan kejayaan yang dicapai ini. Usaha akan diteruskan untuk merancakkan lagi aktiviti pelaburan dan menyediakan perkhidmatan kepada anggota dengan menggembung secara bijak sumber-sumber yang ada. KPF akan mengambil langkah-langkah tambahan bagi memastikan pelaburan KPF tetap berkembang dan pendapatan terus meningkat.

HALATUJU

19. KPF sentiasa bekerja dengan bermatlamatkan untuk memberi kepuasan kepada anggota. KPF telah melaksanakan beberapa perubahan dan pembaharuan bagi meningkatkan lagi kemampuan teknologi maklumatnya.



Mesyuarat Agung Tahunan merupakan medan anggota bagi memberi idea merangka halatuju KPF

20. Menjelang 1 Julai 2010, KPF mencapai usia 30 tahun penubuhannya. Dengan pengalaman dan kematangan yang ada, KPF mampu berdepan dengan apa jua situasi ekonomi, untuk terus membina halatuju dan strategi baru. Melalui penubuhan subsidiarinya seperti KPF Holdings Sdn Bhd, KPF bersedia menceburい bidang-bidang perladangan, perhotelan dan usahasama di luar negara. KPF juga sedang mempersiapkan segala keperluan dan kepakaran yang sesuai bagi melibatkan diri sebagai sebuah lagi bank koperasi yang berjaya di negara ini pada suatu masa kelak.



Lembaga dan Pengurusan diberikan menimba ilmu melalui seminar-seminar yang disertai mereka bagi mewujudkan budaya pengurusan korporat yang baik (good corporate governance).

PENGHARGAAN

21. Saya dan Anggota Lembaga mengucapkan terima kasih kepada semua anggota KPF yang telah memberikan sokongan dengan meningkatkan simpanan sepanjang tahun lalu serta syabas kepada kakitangan KPF yang telah bertugas dengan cekap. Lembaga juga mengucapkan terima kasih kepada pengurusan FELDA dan Kumpulan Syarikat FELDA di atas kerjasama dan peluang pelaburan yang telah mendatangkan keuntungan kepada KPF.

DATO' DZULKIFLI ABD WAHAB
Pengerusi
Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad

Kegiatan dan Pencapaian

Tahun 2009

Melangkah ke Hadapan

Dalam keadaan persekitaran kewangan yang terus berkembang dan juga keperluan pelanggan yang berubah-ubah dan semakin sofistikated, usaha akan terus ditumpukan ke arah transformasi dinamik yang berterusan bagi sistem perbankan domestik kepada sistem yang mempunyai kapasiti dan ketangkasanan untuk menangani kejutan dan mampu bertahan dalam menghadapi volatiliti pasaran kewangan yang meningkat. Dengan pelaksanaan fasa kedua PISK, institusi perbankan akan menghadapi saingan yang lebih sengit baik di dalam sektor perbankan mahupun daripada institusi kewangan bukan bank dan pasaran modal. Cabaran persekitaran yang lebih liberal dan dinyahkawalselia menghendaki institusi perbankan untuk merangka dan melaksana strategi menyeluruh yang jelas, di samping usaha lebih gigih untuk mempertingkatkan kecekapan, produktiviti dan inovasi bagi memastikan kemapanan prestasi. Dalam hal ini, inisiatif dasar akan terus terpusat pada usaha mempertingkatkan dinamisme dan ketahanan sistem perbankan di samping memastikan pemeliharaan kestabilan kewangan dan perlindungan pengguna, serta pada masa yang sama memastikan pengantaraan efektif dalam sektor kewangan.

MODAL INSAN

Bilangan petugas KPF ditambah selari dengan perkembangan unit dan fungsi jabatan. Seramai 4 orang petugas baru telah dilantik bagi mengisi keperluan jawatan yang wujud berikutan penubuhan Unit Pembiayaan dan Unit Perundangan & Kesetiausahaan. Jumlah petugas KPF ialah seramai 32 orang, terdiri daripada 10 kakitangan Kumpulan Eksekutif dan 22 kakitangan Kumpulan Sokongan seperti berikut:

Jawatan	Petugas Lelaki	Petugas Wanita	Bilangan
Pengurusan Kanan	5	1	6
Eksekutif	3	1	4
Pembantu Eksekutif	1	1	2
Penyelia	0	3	3
Kerani	6	10	16
Jumlah	15	16	31

BILANGAN ANGGOTA DAN MODAL SYER

2. Seramai 13,917 anggota baru telah didaftarkan, terdiri daripada 12,481 isteri/anak peneroka dan 1,436 ialah kakitangan, isteri/anak mereka. Untuk tempoh

yang sama seramai 877 telah berhenti menjadi anggota mengikut peruntukan Undang-undang Kecil fasal 20 seperti kerana kematian, meletakkan jawatan, disingkir menjadi peneroka dan notis berhenti anggota.

3. Dalam tahun 2009, modal syer anggota bertambah sebanyak RM245.49 juta manakala penjualan balik syer pula ialah sebanyak RM87.29 juta. Sehingga akhir tahun 2009, bilangan anggota dan modal syer masing-masing meningkat kepada 207,913 anggota dan RM1,459.82 juta. Bilangan anggota dan modal syer masing-masing telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.69% dan 12.15%.

PELABURAN

4. Pelaburan KPF dalam berbagai portfolio terus berkembang dan meningkat kepada RM2,001.05 juta (2008:RM1,693.81 juta), mencatatkan pertumbuhan sebanyak 18.14%.

5. Sepanjang tahun 2009, sebagai satu strategi pelaburan jangka panjang, KPF memberi tumpuan kepada pelaburan usahasama/terokaan modal (RM279.24 juta), hartanah (174.71 juta) dan Amanah Raya Berhad (RM43.27 juta). KPF telah mengambil 20% kepentingan ekuiti dalam syarikat Teo Seng Capital, sebuah syarikat pemegang pelaburan (investment holding) dengan nilai pelaburan sebanyak RM18.60 juta, menjadikan Teo Seng sebuah lagi syarikat bersekutu KPF.

6. Pelaburan harta tanah mengalami pertumbuhan sebanyak 34.83% (2008:RM174.71 juta). Jumlah pelaburan pada akhir tahun 2009 ialah sebanyak RM235.55 juta. Di antara pelaburan pada tahun ini ialah pembelian bangunan korporat Southgate di Jalan Sg. Besi berharga RM226 juta, dua lot tanah di Bandar Baru Bangi berharga RM5.69 juta, dan sebuah rumah kedai tiga tingkat di Pusat Komersil Bandar Jengka, berharga RM589 ribu. Bangunan Southgate dijadualkan siap sebelum akhir 2011, manakala lot-lot tanah di Bandar Baru Bangi dirancang untuk pembinaan sebuah kompleks yang menempatkan sebuah hotel, “service apartment” dan “Garden Restaurant”.

7. Dua buah bangunan milik KPF iaitu Block D5 – Solaris Dutamas (RM35.04 juta) yang terletak di Jalan Duta dan The Icon- West Wing (RM182.95 juta) di Jalan Tun Razak telah pun siap pembinaannya pada September 2009. Ruang-ruang pejabat dan perniagaan di Block D5 – Solaris Dutamas ini bagaimanapun sedang dalam proses untuk dijual kerana ianya mampu menjana keuntungan sebanyak 30% daripada kos asal pembelian. Sehingga akhir 2009 sebanyak 12 unit ruang pejabat dan niaga bangunan ini telah pun dijual dengan memperolehi keuntungan sebanyak RM4.49 juta atau 33% daripada kos belian.

8. Aktiviti-aktiviti pelaburan telah menghasilkan pendapatan sebanyak RM369.19 juta meningkat 45.25% berbanding pendapatan tahun 2008 sebanyak RM254.18 juta. Dividen daripada Syarikat Kumpulan FELDA berjumlah RM289.69 juta masih menjadi penyumbang terbesar iaitu 78.47% daripada jumlah pendapatan pelaburan.

PELABURAN HARTANAH SEHINGGA 31 DISEMBER 2009

Bangunan/ Tanah	Harga Belian (RM'000)	Kemajuan Bayaran (RM'000)	Peratus (%)
Corporate Block – Southgate	226,000	11,300	5.0
The Icon- West Wing	182,953	182,953	100.00
Block D5 – Solaris Dutamas	35,038	35,038	100.00
4 Lot Tanah di Bandar Bangi	11,639	6,230	54
Rumah Kedai – Bandar Jengka	589	29	5.0
Jumlah	456,221	235,552	51.63

PENUBUHAN KPF HOLDINGS SDN BHD SEBAGAI SUBSIDIARI KPF

9. Pada pertengahan tahun 2009, KPF telah menubuhkan subsidiarinya iaitu KPF Holdings Sdn Bhd (KPF Holdings) dengan modal berbayar sebanyak RM5.0 juta. KPF Holdings akan menjadi pamacu dan juga sebagai ‘special purpose vehicle’ untuk aktiviti-aktiviti pelaburan luar terutama dalam penerokaan pelaburan di luar negara.

AKTIVI PEMBIAYAAN

10. Unit Pembiayaan Kewangan patuh Syariah mula mengeluarkan pembiayaan sebanyak RM12.84 juta mulai November 2009 dengan menawarkan kemudahan pembiayaan peribadi sehingga RM100,000 dan tempoh bayaran balik selama 10 tahun.

SUMBANGAN KHAIRAT KEMATIAN ANGGOTA/TANGGUNGAN

11. Sepanjang tahun 2009, sebanyak RM1.99 juta telah disumbangkan kepada anggota atau waris yang melibatkan seramai 1,786 permohonan.

ANUGERAH DAN PENGIFTIRAFAN

12. Pada Hari Koperasi Negara 2009, KPF dianugerahkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagai Koperasi Kedua Terbaik Negara. Anugerah telah disampaikan oleh YAB Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak.

